

## Malaysia tetap tolak pangkalan Amerika

LANGKAWI 6 Nov. — Malaysia tetap berpegang kepada prinsip asal menolak diwujudkan pangkalan tentera Amerika Syarikat di Asia Tenggara kerana yakin negara-negara di rantau ini tidak menghadapi ancaman dari mana-mana pihak, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab pangkalan tentera kuasa besar itu harus diwujudkan kerana Asia Tenggara tidak berdepan dengan sebarang konflik sama ada yang dicetuskan oleh China atau Jepun.

"Saya berpendapat kita tidak berasa terancam oleh sesiapa sama ada China atau Jepun. Kerana itu kita tak menganggap pangkalan tentera diperlukan di Asia Tenggara," tegasnya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas upacara pecah tanah hotel KUB dan Sekolah Pengurusan Perhotelan dan Pe-

lancongan Institut Teknologi Tun Abdul Razak di Mukim Padang Mak Sirat di sini, petang ini.

Turut hadir pada majlis itu termasuk Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, Pengerusi KUB, Hassan Harun, ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri dan wakil-wakil rakyat.

Perdana Menteri mengulas mengenai penolakan oleh Thailand dan Indonesia berhubung cadangan menempatkan pangkalan tentera Amerika di negara masing-masing walaupun pemimpin negara berkenaan berpendapat kehadiran Amerika masih diperlukan di rantau ini.

"Saya berkali-kali berkata, kalau kita ada pakatan dan kita tentukan negara-negara tertentu adalah bakal musuh kita, ia akan jadi musuh sekarang.

"Dengan itu, akan ada ketegangan antara kita dengan negara bakal musuh kita," ujarnya.